



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 17

15hb Ogos 2002

*TAMBAHAN No. 83
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 328.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERKUBURAN BUKAN ISLAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2002

—————
SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL
—————

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pengkebumian tanpa kebenaran dilarang
4. Masa untuk pengkebumian
5. Pengkebumian mayat
6. Penanaman atau penyimpanan abu
7. Batu nisan atau monumen
8. Bunga, pokok dsb.
9. Fi
10. Daftar
11. Penalti

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERKUBURAN BUKAN ISLAM
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pembaharuan Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], Perbadanan Putrajaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Perkuburan Bukan Islam (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“abu” ertinya sisa mayat yang telah dibakar;

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang berumur di bawah 12 tahun;

“mayat” ertinya mayat orang mati atau sebahagiannya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan;

“Pegawai Kesihatan” ertinya Pegawai Kesihatan Perbadanan dan termasuklah seseorang Penolong Pegawai Kesihatan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“perkuburan” ertinya tanah perkuburan yang disediakan bagi orang yang bukan beragama Islam di Wilayah Persekutuan Putrajaya menurut subseksyen 94(1) Akta;

“petak kubur” ertinya kawasan kubur dan termasuklah apa-apa batu nisan atau monumen yang dibina pada atau di atasnya; dan

“wakil diri yang sah di sisi undang-undang” ertinya pelaksana atau pentadbir yang bertindak pada masa tersebut bagi pihak si mati.

Pengkebumian tanpa kebenaran dilarang

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengkebumikan apa-apa mayat di sesuatu perkuburan tanpa kelulusan bertulis Perbadanan terlebih dahulu.

(2) Permohonan untuk kelulusan itu hendaklah dibuat mengikut bentuk yang ditentukan oleh Perbadanan oleh—

- (a) waris kadim si mati;
- (b) seorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk membuat permohonan oleh waris kadim si mati;
- (c) wakil diri yang sah di sisi undang-undang bagi si mati;
- (d) mana-mana saudara-mara yang rapat dengan si mati; atau
- (e) mana-mana orang yang memperoleh permit pengkebumian daripada polis atau pihak berkuasa hospital.

(3) Dalam kes pengkebumian abu mayat, Perbadanan boleh mengecualikan mana-mana orang dari peruntukan perenggan (2).

Masa untuk pengkebumian

4. (1) Perkuburan boleh digunakan bagi maksud pengkebumian pada mana-mana hari dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang tetapi dalam hal keadaan tertentu, mana-mana mayat yang diperakui oleh pihak berkuasa hospital boleh dikebumikan pada bila-bila masa.

(2) Pegawai diberi kuasa boleh dalam mana-mana hal tertentu membenarkan pengkebumian dijalankan di luar masa yang dinyatakan dalam perenggan (1).

(3) Suatu Perakuan Kematian dan Permit Pengkebumian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa polis atau hospital hendaklah dikemukakan kepada Perbadanan sebelum apa-apa mayat boleh dikebumikan.

Pengkebumian mayat

5. (1) Tiada seorang pun boleh mengkebumikan lebih daripada satu mayat di dalam satu petak.

(2) Walau apa pun perenggan (1), seseorang pegawai diberi kuasa boleh membenarkan pengkebumian lebih daripada satu mayat dalam satu petak bagi maksud kepentingan awam atau mencegah bahaya kepada kesihatan awam, setelah berunding dengan Pegawai Kesihatan atau pihak berkuasa hospital.

Penanaman dan penyimpanan abu

6. Abu boleh ditanam atau disimpan di dalam suatu tempat yang telah ditetapkan oleh Perbadanan berdasarkan pembayaran fi seperti dalam Jadual.

Batu nisan atau monumen

7. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan apa-apa batu nisan atau monumen dibina pada atau di atas petak kubur tanpa kebenaran Perbadanan terlebih dahulu.

(2) Batu nisan atau monumen yang dibina pada atau di atas petak kubur hendaklah seperti mana jenis, bahan dan saiz yang telah diluluskan oleh Perbadanan.

(3) Dalam meluluskan permohonan, Perbadanan boleh mengenakan sejumlah deposit sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(4) Jika Perbadanan berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran terhadap apa-apa syarat atau sekatan pada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, Perbadanan boleh melucuthakkan deposit yang telah dibayar di bawah perenggan (3).

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), deposit hendaklah dikembalikan tanpa apa-apa pelarasan faedah kepada amaun yang didepositkan.

(6) Tiada ukiran boleh dibuat ke atas mana-mana batu nisan atau monumen tanpa kebenaran Perbadanan.

(7) Perbadanan boleh mengubah atau menyebabkan diubah apa-apa bahan yang tertinggal hasil daripada pembinaan apa-apa batu nisan atau monumen.

(8) Mana-mana batu nisan atau monumen hendaklah direka dan dibina mengikut prinsip kejuruteraan supaya ianya stabil, tahan lasak dan menjamin jangka hayat batu nisan atau monumen itu.

(9) Mana-mana kerja pengubahsuaian yang hendak dijalankan ke atas sesuatu batu nisan atau monumen, hendaklah dibuat mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(10) Tiada seorang pun boleh mencatitkan atau merosakkan mana-mana kubur, monumen atau batu nisan.

(11) Perbadanan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa ganti rugi yang disebabkan oleh gangguan, keruntuhan atau kerosakan kepada mana-mana kubur, batu nisan atau monumen.

Bunga, pokok dsb.

8. (1) Tiada seorang pun boleh memetik apa-apa bunga atau mematahkan mana-mana dahan pokok, pokok renik, tanaman menjalar, tumbuhan, atau bunga dalam kawasan perkuburan.

(2) Semua bunga atau kaki jambangan bunga yang diletakkan pada bila-bila masa selepas upacara pengkebumian hendaklah dipindahkan tidak lewat dari lima hari selepas upacara pengkebumian, sama ada oleh keluarga atau wakil keluarga si mati.

Fi

9. (1) Fi seperti yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dibayar kepada Perbadanan berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalamnya.

(2) Fi yang ditetapkan dalam perenggan (1) tidak perlu dibayar jika pegawai diberi kuasa memperakui bahawa dia berpuas hati si mati tidak meninggalkan harta pusaka atau saudara-mara, kawan atau tidak mempunyai sumber pendapatan yang cukup untuk membayar fi.

Daftar

10. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar yang dalamnya hendaklah dicatatkan—

- (a) nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman yang terakhir, pekerjaan, umur, jantina, agama dan taraf perkahwinan si mati;
- (b) nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang memohon kelulusan bertulis di bawah undang-undang kecil 3;
- (c) tarikh kematian dan pengkebumian;
- (d) nombor rujukan kelulusan bertulis yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 3;
- (e) butir-butir mengenai orang yang mengeluarkan kelulusan di bawah undang-undang kecil 3;
- (f) sebab-sebab kematian si mati; dan
- (g) nombor siri petak yang dalamnya si mati dikebumikan.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh membenarkan mana-mana anggota awam memeriksa daftar itu dan membuat salinan cabutan daripada daftar dengan membayar fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

Penalti

11. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

JADUAL

(Undang-undang kecil 3, 6, 9 dan 10)

FI

(1)	(2)
<i>Butiran</i>	RM
1. Pengkebumian	
(i) Dewasa	100.00
(ii) Kanak-Kanak	50.00
2. Penanaman abu	60.00
3. Penyimpanan abu	
(i) Lubang untuk satu pasu	40.00
(ii) Lubang untuk dua pasu	80.00

(1) <i>Butiran</i>	(2) RM
4. Fi carian	5.00
5. Salinan sah dari Daftar pengkebumian	5.00

Dibuat 12 Jun 2002
[PPj/Undang (A)4-29; PN(PU²)328/V]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
Presiden
Perbadanan Putrajaya

Disahkan 4 Julai 2002

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

NON-MUSLIM CEMETERY (FEDERAL TERRITORY OF
PUTRAJAYA) BY-LAWS 2002ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation and application
2. Interpretation
3. No burial without permission
4. Hours for burial
5. Burial of corpse
6. Interment and storage of ash
7. Tombstone or monument
8. Flower, tree etc.
9. Fees
10. Register
11. Penalty

SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

NON-MUSLIM CEMETERY (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA)
BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 98 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*] as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], the Perbadanan Putrajaya makes, and pursuant to section 103 of that Act, the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Non-Muslim Cemetery (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2002**.

(2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“ash” means the cremated remains of a corpse;

“child” means a person below the age of 12 years old;

“corpse” means a dead human body or its remains;

“authorized officer” means any officer authorized by the Perbadanan;

“Health Officer” means the Health Officer of the Perbadanan and includes an Assistant Health Officer;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*];

“cemetery” means the burial grounds provided for the non-muslim in the Federal Territory of Putrajaya pursuant to subsection 94(1) of the Act;

“grave plot” means the area occupied by a grave and includes any tombstone or monument erected on or over it; and

“legal personal representative” means the executor or administrator for the time being of a deceased person.

No burial without permission

3. (1) No person shall bury any corpse without the prior written approval of the Perbadanan.

(2) An application for such written approval shall be made in such form as may be determined by the Perbadanan by—

- (a) the next-of-kin of the deceased person;
- (b) a person who is authorized in writing to make the application by the next-of-kin of the deceased person;
- (c) the legal personal representative of the deceased person;
- (d) any close relative of the deceased person; or
- (e) any person who has obtained a burial permit from the police or hospital authorities.

(3) In the case of burial of ashes, the Perbadanan may exempt any person from the provision of paragraph (2).

Hours for burial

4. (1) The cemetery may be used for the purpose of burial at any day between 9.00 a.m. and 6.00 p.m. but in exceptional circumstances, any corpse which is certified by the hospital authorities can be buried at any time.

(2) An authorized officer may in any particular case permit the burial to be carried out outside the time specified in paragraph (1).

(3) A Death Certificate and Burial Permit issued by the police or hospital authorities shall be submitted to the Perbadanan before any corpse can be buried.

Burial of corpse

5. (1) No person shall bury more than one corpse in one plot.

(2) Notwithstanding paragraph (1) an authorized officer may permit the burial of more than one corpse in one plot for the purpose of public interest or preventing danger to the public health, after consulting the Health Officer or hospital authorities.

Interment and storage of ash

6. Ash may be interred or stored in a place designated by the Perbadanan upon payment of a fee as set out in the Schedule.

Tombstone or monument

7. (1) No person shall cause any tombstone or monument to be erected on or over a grave plot without the prior approval of the Perbadanan.

(2) A tombstone or monument erected on or over a grave plot shall be of such type, material and size as may be approved by the Perbadanan.

(3) Upon approval of the application, the Perbadanan may impose a deposit of such sum as the Perbadanan may determine.

(4) If the Perbadanan is satisfied that there has been a breach of any condition or restriction of any provisions of these By-Laws, the Perbadanan may forfeit the deposit paid under paragraph (3).

(5) Subject to paragraph (4), the deposit shall be refunded with no adjustment for interest on the amount deposited.

(6) No inscription shall be made on any such tombstone or monument without the approval of the Perbadanan.

(7) The Perbadanan may remove or cause to be removed any remaining material which has been left from the construction of such tombstone or monument.

(8) Any tombstone or monument shall be designed and constructed according to sound engineering principles so that it is stable and durable for the duration of its life.

(9) Where renovation work is to be performed on a tombstone or monument, such work shall be carried out in accordance with the standard as may be determined by the Perbadanan.

(10) No person shall injure or deface any part of a grave plot, tombstone or monument.

(11) The Perbadanan shall not be liable for any compensation as a result of any disturbance, collapse or damage caused to any grave plot, tombstone or monument.

Flower, tree etc.

8. (1) No person shall pick any flower or break any limb of any tree, shrub, vine, plant or flower in the area of the cemetery.

(2) All flowers and easels placed at any time of a funeral shall be removed not later than five days after the funeral, either by the family or the representative of the deceased.

Fees

9. (1) The fees specified in the Schedule shall be payable to the Perbadanan in respect of the matters stated therein.

(2) The fees prescribed in paragraph (1) need not be paid if an authorized officer certifies that he is satisfied that the deceased has left no estate nor any relative, friend or sufficient means to pay the fees.

Register

10. (1) An authorized officer shall keep or cause to be kept a register in which shall be entered—

- (a) the name, identity card number, address of the last residence, occupation, age, sex, religion and marital status of the deceased person;
- (b) the name, identity card number and address of the person who applied for written approval under by-law 3;
- (c) the date of the death and burial;
- (d) the reference number of the written approval issued under by-law 3;
- (e) details of the person who issued the written approval under by-law 3;
- (f) the cause of death of the deceased person; and
- (g) the serial number of the plot wherein the deceased person is buried.

(2) An authorized officer may allow any member of the public to examine the register and make copies of extracts from the register by paying a fee specified in the Schedule.

Penalty

11. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and in the case of a continuing offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

SCHEDULE

(By-laws 3, 6, 9 and 10)

FEES

(1)	(2)
<i>Description</i>	RM
1. Burial	
(i) Adult	100.00
(ii) Child	50.00
2. Ash Interment	60.00
3. Ash Storage	
(i) Single niche	40.00
(ii) Double niche	80.00

(1)	(2)
<i>Description</i>	RM
4. Search fee	5.00
5. Certified extract from Register of burials	5.00

Made 12 June 2002

[PPj/Undang (A)4-29; PN(PU²)328/V]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
President
Perbadanan Putrajaya

Confirmed 4 July 2002

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Prime Minister

P.U. (A) 329.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

—————
SUSUNAN PERENGGAN
—————

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

3. Peruntukan tempat letak kereta
4. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor kecuali di tempat atau petak letak kereta
5. Pematuhan syarat-syarat
6. Caj yang ditetapkan hendaklah dibayar kepada atendan letak kereta
7. Cara meletak kenderaan motor
8. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan
9. Pengeluaran kad meter

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

10. Pematuhan arahan atendan letak kereta
11. Pembayaran caj yang ditetapkan
12. Meletak kenderaan motor kali kedua atas tiket asal

BAHAGIAN IV

TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM

Perenggan

13. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket letak kereta bermusim
14. Tiket letak kereta bermusim
15. Mempamerkan tiket letak kereta bermusim

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

16. Tempat letak kereta bermeter
17. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj yang ditetapkan
18. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
19. Meter letak kereta yang rosak

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

20. Tempat letak kereta bayar dan peraga
21. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj yang ditetapkan
22. Mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga
23. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
24. Meter letak kereta yang rosak

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

25. Pengeluaran kupon letak kereta
26. Pematuhan syarat-syarat
27. Penggunaan kupon letak kereta
28. Mempamerkan kupon letak kereta

BAHAGIAN VIII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

Perenggan

29. Tempat letak kereta terkawal
30. Syarat-syarat untuk meletak kenderaan motor
31. Penalti kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

32. Keselamatan lain-lain kenderaan motor
33. Penggantungan tempat atau petak letak kereta
34. Penghalangan dan pengalihan
35. Kenderaan motor dialih selepas satu hari
36. Pengalihan dan penahanan kenderaan motor
37. Perbadanan tidak bertanggung atas kehilangan atau kerosakan
38. Larangan berdagang atau berniaga
39. Larangan membaiki kenderaan motor
40. Larangan membasuh atau mencuci
41. Larangan menggunakan tempat letak kereta melainkan untuk letak kereta
42. Pengalihan resit, tiket atau kompaun
43. Gangguan terhadap meter letak kereta
44. Kecemasan
45. Penalti
46. Kuasa untuk mengkompaun

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Perbadanan Putrajaya dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Putrajaya 2002**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiaran Perintah ini dalam *Warta*.

(3) Perintah ini tidaklah terpakai bagi mana-mana ambulan, kereta bomba atau kenderaan rasmi angkatan tentera atau polis.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pengangkutan Jalan 1987;

“atendan letak kereta” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Perbadanan bagi maksud Perintah ini dan termasuklah mana-mana anggota unit penguatkuasa Perbadanan dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Perbadanan untuk menguruskan atau menyelia mana-mana tempat letak kereta dan untuk memungut caj yang ditetapkan;

“caj yang ditetapkan” ertinya caj yang ditetapkan dalam Jadual-Jadual bagi pembayaran caj meletak kereta berkenaan dengan kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta atau tempat letak kereta;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kupon letak kereta” ertinya kupon yang dikeluarkan oleh Perbadanan apabila bayaran dibuat yang padanya dinyatakan caj yang ditetapkan, tempoh masa dan tarikh kenderaan motor dibenarkan diletak di mana-mana tempat letak kereta, kecuali di tempat letak kereta bermusim atau tempat letak kereta terkawal bagi sesuatu tempoh masa pada tarikh tersebut;

“kad meter” ertinya suatu kad yang dikeluarkan oleh Perbadanan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan kepada mana-mana orang yang membenarkan orang itu meletak kenderaan motor di mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Perbadanan;

“meter letak kereta bayar dan peraga” ertinya meter letak kereta yang, apabila dimasukkan syiling atau kad meter ke dalam meter letak kereta dan dengan menekan atau memusing atau memetik mana-mana alat yang ditunjukkan pada meter itu, akan mengeluarkan suatu tiket letak kereta bayar dan peraga;

“meter letak kereta jenis manual” ertinya meter letak kereta yang berfungsi dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta dan dengan memutar tumbol atau menekan atau memetik mana-mana alat lain yang perlu diperlakukan sedemikian bagi membolehkan syiling diterima oleh meter itu yang akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor itu dibenar diletakkan mengikut nilai syiling yang dimasukkan;

“meter letak kereta jenis automatik” ertinya meter letak kereta yang berfungsi dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta dan kemudiannya mekanisma di dalam meter letak kereta secara automatik akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletakkan mengikut nilai syiling yang dimasukkan;

“pemunya kenderaan motor” ertinya mana-mana orang yang merupakan pemunya kenderaan motor yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“petak letak kereta” ertinya suatu petak yang ditandakan dengan garisan bercat, tataan, tanda atau lain-lain tanda di tempat letak kereta bagi meletak satu kenderaan motor;

“syiling” ertinya syiling mata wang Malaysia;

“tempat letak kereta bayar dan peraga” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar dan peraga digunakan;

“tempat letak kereta bermeter” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik digunakan;

“tempat letak kereta bermusim” ertinya suatu tempat letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi meletak kenderaan motor secara bulanan dan petak letak kereta ditandakan dengan apa-apa cara yang boleh ditetapkan oleh Perbadanan yang baginya caj ditetapkan telah dibayar;

“tempat letak kereta bertiket” ertinya tempat letak kereta seperti dinyatakan di dalam Jadual Pertama yang bayaran bagi caj yang ditetapkan adalah mengikut jam, dan untuk setiap jam yang berikut kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta bertiket, tiket letak kereta akan dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang menyatakan kadar caj;

“tempat letak kereta terkawal” ertinya suatu tempat letak kereta bagi kenderaan motor yang waktu masuk dan keluar dari tempat letak kereta tersebut dicatatkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik dan tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

“tiket letak kereta” berhubung dengan tempat letak kereta bertiket ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang padanya boleh dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, caj ditetapkan, tarikh dan tempoh masa kenderaan motor dibenar

diletakkan; dan berhubungan dengan tempat letak kereta terkawal ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik yang tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

“tiket letak kereta bayar dan peraga” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh meter letak kereta bayar dan peraga yang padanya tercatat nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh masa, tarikh dan tempat bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga; dan

“tiket letak kereta bermusim” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh Perbadanan yang padanya dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh sah meletak kereta dan caj ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bermusim.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

Peruntukan tempat letak kereta

3. Tempat letak kereta yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah diperuntukkan bagi penggunaan kenderaan motor dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Perintah ini.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor kecuali di tempat atau petak letak kereta

4. Tiada seorang pun boleh meletak suatu kenderaan motor atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di tempat dan petak letak kereta yang disediakan oleh Perbadanan.

Pematuhan syarat-syarat

5. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Perbadanan bagi penggunaan tempat letak kereta itu.

Caj yang ditetapkan hendaklah dibayar kepada atendan letak kereta

6. Tiada seorang pun melainkan atendan letak kereta boleh mengutip caj yang ditetapkan daripada mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor bagi penggunaan tempat letak kereta.

Cara meletak kenderaan motor

7. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di petak letak kereta hendaklah meletak kenderaan motor mengikut cara yang berikut:

- (a) kenderaan motor itu hendaklah dalam kedudukan yang kenderaan motor itu secara keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta; dan
- (b) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalu lintas dan hendaklah mematuhi semua isyarat lalu lintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta.

(2) Jika mana-mana kenderaan motor yang diletakkan di petak letak kereta melanggar subperenggan (1), mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih kenderaan motor itu supaya kedudukannya mematuhi subperenggan (1) dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberikan oleh atendan letak kereta atau pegawai polis yang beruniform itu.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj yang ditetapkan

8. Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta atau petak letak kereta tanpa membayar caj yang ditetapkan dalam waktu terkawal yang ditentukan dalam ruang (4) Jadual.

Pengeluaran kad meter

9. Perbadanan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan boleh mengeluarkan kad meter setelah dibayar caj yang ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga atau mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

Pematuhan arahan atendan letak kereta

10. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bertiket hendaklah mematuhi segala arahan yang berkaitan dengan urusan meletakkan kenderaan motor yang diberikan kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta di tempat letak kereta itu.

Pembayaran caj yang ditetapkan

11. (1) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan suatu tiket letak kereta dan kemudiannya meletakkan tiket itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemilik kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tiket itu dikeluarkan.

(2) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di petak letak kereta selepas tamat tempoh sejam dari masa tiket letak kereta dikeluarkan, maka atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta yang lain dan hendaklah terus berbuat demikian pada akhir tiap-tiap jam.

Meletak kenderaan motor kali kedua atas tiket asal

12. Tiada seorang pun yang telah mengalihkan kenderaan motornya dari satu petak letak kereta sebelum tamat tempoh yang dibenarkan bagi meletakkan kenderaan motor itu berhak meletakkan kenderaan motor itu dalam petak yang sama bagi kali keduanya dengan syarat petak letak kereta yang sama masih kosong dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu masih mempunyai tiket asal yang belum tamat tempoh bagi

meletakkan kenderaan motor dan hendaklah ditunjukkan kepada atendan letak kereta yang bertugas dengan mempamerkan semula di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat.

BAHAGIAN IV

TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket letak kereta bermusim

13. Tiada seorang pun boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletakkan mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta bermusim tanpa tiket letak kereta bermusim atau terus meletak atau menyebabkan atau membenarkan terus diletak mana-mana kenderaan motor selepas tamat tempoh selama mana kenderaan motor itu dibenarkan diletak.

Tiket letak kereta bermusim

14. (1) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh diperoleh setelah membayar caj yang ditetapkan sepertimana yang ditentukan dalam Jadual Kedua dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Perbadanan.

(2) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh dibatalkan oleh Perbadanan, pada bila-bila masa, tanpa memberi apa-apa sebab.

Mempamerkan tiket letak kereta bermusim

15. Tiket letak kereta bermusim hendaklah dipamerkan pada setiap masa di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak tiket itu ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bermusim.

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

Tempat letak kereta bermeter

16. Suatu tempat letak kereta bermeter dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta dan tiap-tiap satu petak disediakan dengan suatu meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj yang ditetapkan

17. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter tanpa membayar caj yang ditetapkan.

(2) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletak.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

18. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor itu terus berada di petak letak kereta bermeter selepas habis tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan pada meter itu.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah, sebelum atau sebaik sahaja apabila habis tempoh letak kereta terdahulu, memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendakinya sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan pada sesuatu masa.

Meter letak kereta yang rosak

19. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di petak letak kereta bermeter yang meter letak kereta tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Apabila hal itu disahkan sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (1), atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan resit rasmi yang padanya hendaklah dicatat—

- (a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;
- (b) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak yang sama kadarnya dengan amaun syiling yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu; dan
- (c) menampalkan suatu salinan pendua resit itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut.

BAHAGIAN VI**TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA****Tempat letak kereta bayar dan peraga**

20. Sesuatu tempat letak kereta bayar dan peraga boleh dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta, dan bagi sebilangan petak letak kereta itu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan hendaklah disediakan dengan satu meter letak kereta bayar dan peraga.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membayar caj ditetapkan

21. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta bayar dan peraga tanpa membayar caj yang ditetapkan.

(2) Sebelum suatu kenderaan motor diletakkan, pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah membayar caj yang ditetapkan dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga syiling atau kad meter sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta bayar dan peraga yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletak.

Mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga

22. (1) Setelah menerima tiket letak kereta bayar dan peraga, pemandu atau pemilik kenderaan motor hendaklah mempamerkan tiket itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak tiket berkenaan ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bayar dan peraga.

(2) Tiket letak kereta bayar dan peraga adalah sah digunakan di mana-mana tempat letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal, dengan syarat bahawa hanya kenderaan motor yang sama sahaja boleh menggunakannya dan tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan di atas tiket letak kereta bayar dan peraga itu masih belum tamat.

(3) Tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat hendaklah menjadi tak sah walaupun tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan masih belum tamat.

Tidak dibenarkan meletak kereta selepas tamat tempoh letak kereta

23. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di petak letak kereta bayar dan peraga itu selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana yang ditunjukkan pada tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah memperoleh tiket letak kereta bayar dan peraga yang baru dengan memasukkan syiling atau kad meter ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang dikehendaki.

Meter letak kereta yang rosak

24. (1) Mana-mana orang yang meletak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga yang meter letak kereta bayar dan peraga tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Atendan letak kereta yang disebut di bawah subperenggan (1) hendaklah mengesahkannya, dan hendaklah, di atas pengesahan itu—

- (a) mengeluarkan suatu resit rasmi yang di atasnya hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bayar dan peraga yang sama kadarnya dengan amaun syiling atau kad meter yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga; dan

(b) menampal salinan pendua resit rasmi di cermin hadapan atau di mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta bayar dan peraga yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta bayar dan peraga itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Pengeluaran kupon letak kereta

25. Perbadanan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan boleh mengeluarkan kupon letak kereta setelah dibayar caj yang ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta berkupon.

Pematuhan syarat-syarat

26. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mematuhi segala syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta.

Penggunaan kupon letak kereta

27. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletak kenderaan motornya di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal.

Mempamerkan kupon letak kereta

28. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mempamerkan kupon itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan bahawa pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak kupon itu ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon.

(2) Jika lebih daripada satu kupon letak kereta diperlukan untuk digunakan di tempat letak kereta berkupon, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan kesemua kupon itu pada masa yang sama.

(3) Mana-mana kupon letak kereta yang telah digunakan mengikut tempoh masa yang diperlukan hendaklah menjadi tak sah jika kupon itu dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat.

BAHAGIAN VIII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

Tempat letak kereta terkawal

29. Suatu tempat letak kereta terkawal boleh dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Perbadanan.

Syarat-syarat untuk meletak kenderaan motor

30. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket letak kereta yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik di pintu masuk tempat letak kereta itu dan padanya dinyatakan tarikh serta waktu masuk ke tempat letak kereta berkenaan.

(2) Setelah menerima tiket letak kereta, pemandu atau pemilik kenderaan motor hendaklah menyimpan tiket itu untuk diserahkan kembali kepada atendan letak kereta di pintu keluar yang dia hendaklah membayar caj ditetapkan sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual Ketiga.

Penalti kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal

31. Mana-mana pemandu atau pemilik kenderaan motor yang telah kehilangan tiket letak kereta atau sekiranya tiket itu rosak hendaklah membayar caj maksimum sebanyak RM8.00 kepada atendan letak kereta.

BAHAGIAN IX**PELBAGAI****Keselamatan lain-lain kenderaan motor**

32. Tiada kenderaan motor boleh ditarik, dipandu atau ditolak dalam kawasan tempat letak kereta kecuali dengan cara yang teratur dan cermat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan lain-lain kenderaan motor dan orang di dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Penggantungan tempat atau petak letak kereta

33. (1) Perbadanan boleh menggantung penggunaan mana-mana tempat atau petak letak kereta apabila penggantungan itu difikirkan perlu—

- (a) bagi maksud memudahkan pergerakan lalu lintas atau mewujudkan keselamatan lalu lintas;
- (b) bagi maksud menjalankan apa-apa kerja binaan, perobohan atau pengorekan yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta atau bagi penyenggaraan, pemajuan atau pembinaan semula tempat letak kereta atau pemasangan, pendirian, pengubahan atau pembaikan mana-mana betung, kabel, paip atau peralatan untuk bekalan air atau elektrik atau mana-mana talian telefon atau telegraf yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta;
- (c) bagi menyenangkan penghuni-penghuni premis yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta ketika mengadakan upacara rasmi atau agama atau lain-lain peristiwa yang tertentu; atau
- (d) bagi apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Atas apa-apa penggantungan yang disebutkan terdahulu, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan hendaklah menampalkan suatu notis bagi maksud itu yang berhampiran atau di tempat atau petak letak kereta, dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang meletak apa-apa kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta itu melainkan jika ia berhubungan bagi maksud penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang memerlukan penggunaan mana-mana petak atau petak-petak letak kereta digantung bagi tujuan persendirian, suatu permohonan bagi penggantungan itu hendaklah dibuat kepada Perbadanan dengan menyatakan lokasi, amaun petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan dan orang itu hendaklah membayar kepada Perbadanan apa-apa amaun caj yang difikirkan patut oleh Perbadanan untuk tempoh penggantungan itu.

Penghalangan dan pengalihan

34. (1) Tiada seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan, mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis boleh mengalihkan atau menahan mana-mana kenderaan motor atau apa-apa kenderaan lain atau benda yang menyebabkan halangan itu.

(3) Perbadanan boleh mengarahkan supaya apa-apa benda yang dialih di bawah subperenggan (2) yang daripada jenis mudah rosak, dilupuskan atau dijual dan apa-apa hasilnya, jika ada, bolehlah dituntut oleh tuan punya benda tersebut selepas ditolak segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Perbadanan bagi pengalihan, pelupusan atau penjualan benda itu.

(4) Jika tiada tuntutan dibuat selepas tamat 1 bulan dari tarikh penjualan itu, hasil jualan itu hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Perbadanan.

(5) Pemunya kenderaan motor atau mana-mana kenderaan lain atau benda yang tidak mudah rosak yang telah dialihkan dan ditahan di bawah subperenggan (2), boleh dalam masa 1 bulan dari tarikh pengalihan itu menuntut kenderaan motor atau kenderaan atau benda itu daripada Perbadanan setelah membayar kepada Perbadanan kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Perbadanan bagi pengalihan dan penahanan itu.

(6) Jika tiada tuntutan dibuat berkenaan dengan pengalihan yang disebut dalam subperenggan (5), Perbadanan boleh mengarahkan supaya kenderaan motor atau kenderaan atau benda itu dijual atau dilupuskan mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan dan segala hasil yang diperolehi daripadanya hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Perbadanan.

Kenderaan motor dialih selepas satu hari

35. (1) Walau apa pun peruntukan perenggan 34, jika kenderaan motor diletak secara berterusan selama lebih daripada 1 hari di tempat atau petak letak kereta apabila tempoh letak kereta telah tamat, kenderaan motor itu hendaklah dialih oleh mana-mana atendan

letak kereta, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan atau mana-mana pegawai polis daripada tempat atau petak letak kereta tersebut dan disimpan di bawah jagaan Perbadanan.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan di bawah subperenggan (1) boleh ditahan oleh Perbadanan sehingga caj-caj yang kena dibayar berkenaan dengan penggunaan tempat atau petak letak kereta sehingga masa kenderaan itu dialihkan dari tempat itu berserta dengan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Perbadanan dalam mengalih dan menahan kenderaan itu telah dibayar kepada Perbadanan.

Pengalihan dan penahanan kenderaan motor

36. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini dan tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Perbadanan, kenderaan motor itu boleh dialihkan oleh mana-mana atendan letak kereta dan boleh ditahan di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(2) Tiap-tiap kenderaan motor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan motor itu.

Perbadanan tidak bertanggung atas kehilangan atau kerosakan

37. Perbadanan atau mana-mana atendan letak kereta tidaklah bertanggung atas apa-apa kerosakan atau kehilangan pada mana-mana kenderaan motor dalam menguatkuasakan Perintah ini.

